

BORANG PERMOHONAN PEMBIAYAAN ANGGOTA

Dokumen diperlukan:

☐ 1 Salinan I/C Pemohon ☐ Salinan I/C Penjamin ☐ Slip Gaji Pemohon 3 bulan

BAHAGIAN A: BUTIR-BUTIR PEMBIAYAAN PEMOHON

Jumlah Dipohon: RM

--	--	--	--	--

Tempoh Pembiayaan:

--	--

 Tahun

Jenis Pembiayaan: Berjamin ☐ 80% Yuran ☐

Tujuan Pembiayaan:

BAHAGIAN B: MAKLUMAT PEMOHON

Nama Anggota

[illegible]

No. Kakitangan:

--	--	--	--	--	--

 Umur:

--	--

 Tahun No. Anggota:

--	--	--	--

No. Kad Pengenalan: Jantina: ☐ Lelaki ☐ Perempuan

Bangsa: ☐ Melayu ☐ Cina ☐ India ☐ Lain-lain Status: ☐ Kahwin ☐ Lain-lain

Majikan: ☐ Johor Port Berhad ☐ Lembaga Pelabuhan Johor ☐ Lain-lain Taraf: ☐ Tetap ☐ Kontrak

Jabatan: Jawatan:

Alamat Kediaman Anggota Gaji Bulanan Diterima: RM

[illegible]

Jenis Kediaman: ☐ Sendiri ☐ Keluarga ☐ Sewa

[illegible][illegible][illegible]

Nama Bank: _____

BAHAGIAN C: MAKLUMAT TANGGUNGAN KEWANGAN TIDAK MASUK POTONGAN PAYSLIP

Nama Bank	Jenis Pembiayaan	Bayaran Bulanan	Tempoh
i)			
ii)			
iii)			

(Sila lampirkan helaian tambahan jika tanggungan kewangan melebihi ruang di atas)

UNTUK KEGUNAAN PEJABAT SAHAJA

Tarikh Terima Permohonan:

		/			/		
--	--	---	--	--	---	--	--

Tandatangan Terima:

BAHAGIAN D: MAKLUMAT SUAMI / ISTERI PEMOHON / PERUJUK

[illegible]

No. H/P:

[illegible]

BAHAGIAN E: PENGESAHAN PEMOHON

- 1) Saya membenarkan majikan memotong gaji bulanan, dan koperasi kontra yuran terkumpul saya sekiranya ansuran bulanan pembiayaan melalui potongan gaji saya tidak mencukupi.
- 2) Saya membenarkan potongan (*one off*) daripada pembiayaan yang diluluskan Koperasi.
- 3) Saya turut bersetuju bahawa yuran, modal syer dan lain-lain simpanan (jika ada) milik saya adalah bukan jaminan kontra hutang pembiayaan ini sekiranya saya ada menjamin anggota lain, melainkan nama saya telah diganti dengan penjamin yang baharu.
- 4) Saya bersetuju menanggung segala kos guaman dan kos mahkamah jika saya gagal menjelaskan hutang pembiayaan termasuk keuntungan.
- 5) Saya membenarkan Koperasi mendapatkan pelaporan CCRIS atas nama saya dan disenaraikan hitam di CCRIS dan CTOS oleh Koperasi jika saya gagal menjelaskan harga jualan.
- 6) Saya mengaku bahawa butir-butir yang diberikan di dalam permohonan ini adalah benar.
- 7) Saya mengesahkan bahawa,

Saya bersetuju melantik Kakitangan Koperasi Pelabuhan Johor Berhad bagi mewakili diri saya untuk urusan akad jual komoditi di Bursa Suq Al Sila (BSAS) terhadap pembiayaan saya.

8) Saya bersetuju bahawa permohonan pembiayaan saya ini adalah tertakluk kepada Aturan Pembiayaan Anggota dan pindaannya dari semasa ke semasa.

Tarikh:

		/			/				
--	--	---	--	--	---	--	--	--	--

BAHAGIAN F: AKAD JUAL BELI

Akad Beli : Saya bersetuju dengan harga jual komoditi Crude Palm Oil
(Pemohon)

Tandatangan Pemohon:

BAHAGIAN G: BON JAMINAN PENJAMIN-PENJAMIN

Nama Penjamin 1:

No. K/Pengenalannya:

 No.Staf:

No, H/P:

 E-mel:

Alamat:

Nama Penjamin 2:

No. K/Pengenalannya:

 No.Staf:

No, H/P:

 E-mel:

Alamat:

Nama Penjamin 3:

No. K/Pengenalannya:

 No.Staf:

No, H/P:

 E-mel:

Alamat:

Kami, nama-nama di atas sebagai Penjamin 1, Penjamin 2 dan Penjamin 3 mengisytiharkan bahawa,

- 1) Kami bersetuju bahawa kami menjadi Penjamin kepada _____
_____ untuk pembiayaan berjumlah RM _____
- 2) Kami bersetuju bahawa jaminan yang kami beri ini adalah tanpa paksaan dari mana-mana pihak.
- 3) Kami membenarkan gaji kami di potong oleh majikan bagi menanggung pembiayaan pemohon ini sekiranya pemohon gagal membuat bayaran ansuran pembiayaan ini.
- 4) Kami bertanggungjawab secara bersama atau berasingan ke atas semua jumlah pembiayaan termasuk keuntungan, dan juga caj atau bayaran guaman yang bersabit dengan hutang pemohon ini.
- 5) Kami membenarkan yuran dan syer milik kami sebagai jaminan untuk selesaikan hutang pembiayaan pemohon sehingga diganti dengan Penjamin Baharu.
- 6) Kami membenarkan nama kami disenaraikan hitam di CCRIS dan CTOS oleh Koperasi jika kami gagal selesaikan hutang pemohon ini.
- 7) Kami bersetuju bahawa permohonan pembiayaan pemohon ini adalah tertakluk kepada Aturan Pembiayaan Anggota dan pindaannya dari semasa ke semasa.

T/T Penjamin 1: _____
Tarikh: _____

T/T Penjamin 2: _____
Tarikh: _____

T/T Penjamin 3: _____
Tarikh: _____

PERJANJIAN PEMBIAYAAN ANGGOTA

Perjanjian Pembiayaan Anggota ini (selepas ini di sebut sebagai "Perjanjian ini") di buat pada _____ di antara Koperasi Pelabuhan Johor Berhad (selepas ini di sebut sebagai "Koperasi") sebagai pihak Pertama DAN pihak yang Nama dan Nombor Kad Pengenalan adalah seperti di Bahagian B Borang Permohonan Pembiayaan Anggota yang dilampirkan (selepas ini di rujuk sebagai "Pelanggan") sebagai pihak Kedua di dalam Perjanjian ini.

BAHAWASANYA,

Atas permohonan Pelanggan, Koperasi bersetuju memberi Pembiayaan dan Pelanggan bersetuju menerima pembiayaan tersebut dan berakujanji untuk membayar kepada Koperasi secara bayaran tertangguh mengikut jumlah dan tempoh serta lain-lain syarat dan terma di dalam Perjanjian ini.

MAKA DENGAN INI ADALAH DIPERSETUJUI bahawa :-

1. KONSEP

Kemudahan Pembiayaan Anggota ini adalah di bawah konsep Tawarruq di mana Koperasi menjual komoditi Crude Palm Oil kepada Pelanggan secara bayaran tangguh. Koperasi sebagai penjual pertama akan bertindak sebagai wakil bagi pihak Pelanggan untuk menjual komoditi tersebut kepada pihak ketiga untuk mendapatkan tunai.

2. HARGA JUALAN TERTANGGUH & REBAT

Harga Jualan Tertangguh (selepas ini disebut sebagai "Bayaran Ansuran") adalah seperti di Jadual Pertama Koperasi atas budi bicaranya boleh mempertimbangkan pemberian rebat ke atas Bayaran Ansuran mengikut budibicara Koperasi kepada Pelanggan yang membuat penjelasan awal.

3. HARGA BELIAN TUNAI

Harga Belian Tunai oleh Koperasi ialah seperti di Jadual Pertama.

4. BAYARAN ANSURAN & GANTIRUGI LEWAT BAYAR (TA'WIDH)

Pelanggan bersetuju dan berakujanji akan membayar Bayaran Ansuran mengikut cara dan tempoh yang telah ditetapkan seperti di Jadual Pertama. Koperasi berhak mengenakan caj lewat bayar (Ta'widh) sebanyak 1% ke atas Bayaran Ansuran bulanan yang tidak diterima oleh Koperasi berpandukan kadar dan kaedah-kaedah yang dibenarkan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia (selepas ini disebut sebagai "SKM") dan Jawatankuasa Syariah ANGKASA dari semasa ke semasa.

5. POTONGAN GAJI

- (a) Selaras dengan Klausula 4 di atas, Pelanggan bersetuju memberi kuasa kepada majikan untuk menguruskan Bayaran Ansuran melalui potongan gaji yang akan dibayar terus kepada Koperasi.
- (b) Kuasa yang diberi untuk memotong gaji tidak boleh ditarik balik dan hanya akan luput apabila jumlah Bayaran Ansuran dan lain-lain bayaran atau perbelanjaan yang terwujud oleh Perjanjian ini diselesaikan sepenuhnya.
- (c) Tanpa menjejaskan peruntukan di atas, Pelanggan hendaklah membuat bayaran Ansuran Bulanan sendiri terus kepada Koperasi sekiranya potongan gaji Pelanggan tidak dapat dibuat atau jika kegagalan oleh sistem potongan gaji sehingga potongan gaji Pelanggan boleh dikuatkuasa

6. KEMUNGKIRAN PEMBAYARAN / KEMATIAN / BERHENTI KERJA

- (a) Sekiranya Pelanggan gagal menjelaskan Bayaran Ansuran sebagaimana Klausula 4 di atas, Koperasi berhak untuk menuntut baki jumlah Bayaran Ansuran dan lain-lain bayaran atau perbelanjaan yang terwujud oleh Perjanjian ini dengan memotong daripada Modal Yuran/Modal Syer Pelanggan dan sekiranya masih berbaki, ianya akan dituntut mengikut proses sedia ada termasuk melalui proses perundangan.
- (b) Sekiranya Pelanggan meninggal dunia, baki Bayaran Ansuran akan dilupuskan melalui Tabung Kebajikan Am, tertakluk kepada syarat dan ketetapan dalam Aturan Tabung Kebajikan Am.
- (c) Sekiranya Pelanggan berhenti kerja/ditamatkan perkhidmatan atau di atas sebab-sebab lain, maka Koperasi berhak untuk mendapatkan baki Bayaran Ansuran melalui potongan gaji penjamin berkuat kuasa serta merta sebagaimana Bahagian G Borang Pembiayaan Anggota.

7. KETERANGAN MUKTAMAD

Jadual Hutang yang dikeluarkan dan ditandatangani oleh Pengurus Koperasi adalah dianggap sebagai satu keterangan yang muktamad dan konklusif terhadap bukti keberhutangan oleh Pelanggan dan ianya tidak boleh dipertikaikan lagi.

8. PINDAAN

Pelanggan dengan ini bersetuju bahawa Koperasi diberi kuasa dan budi bicara untuk mengubah, menambah atau mengurangkan apa-apa syarat yang terkandung di dalam Perjanjian ini tertakluk kepada Aturan Pembiayaan Anggota.

9. NOTIS

(a) Semua penghantaran notis-notis tuntutan dan sebagainya hendaklah dihantar melalui Pos Biasa kepada alamat-alamat yang terkandung di dalam Perjanjian ini / Borang Permohonan Pembiayaan Anggota dan di dalam hal ini penyerahan notis tersebut adalah dianggap sebagai diterima dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh pengeposan.

(b) Jika dalam mana-mana prosiding Mahkamah, maka dengan ini adalah dipersetujui oleh kedua-dua pihak bahawa segala surat cara termasuk Writ Saman boleh diserahkan secara Pos Berdaftar kepada alamat-alamat yang ternyata di dalam Perjanjian ini / Borang Permohonan Pembiayaan Anggota.

10. PENUKARAN ALAMAT

Alamat-alamat yang dinyatakan di dalam Perjanjian ini adalah tetap dan Pelanggan hendaklah memberi notis tidak kurang daripada empat belas (14) hari secara bertulis kepada Koperasi daripada tarikh pertukaran alamat sekiranya berlaku pertukaran berkaitan pekerjaan, alamat tempat kerja dan alamat surat menyurat. Sekiranya Pelanggan gagal untuk memberi notis penukaran alamat, Koperasi hendaklah dilepaskan daripada semua liability dengan menghantar apa-apa notis ke alamat terakhir dan/atau nombor yang terdapat dalam rekod Koperasi.

11. PENGIKATAN

Perjanjian ini adalah mengikat sebagai satu perjanjian berterusan terhadap Pelanggan, Waris-waris Sah, dan/atau Pentadbir di mana liabiliti di bawah Perjanjian ini adalah berterusan terhadap mana-mana jumlah yang ternyata di dalam Jadual Hutang yang tersebut sebelum ini.

12. PENGGUNAAN DATA PERIBADI

Pelanggan bersetuju untuk Koperasi mengumpul data peribadi Pelanggan dan digunakan/diproses antara lain bagi tujuan penyampaian notis, perkhidmatan atau produk dan pemasaran/pengiklanan produk atau perkhidmatan oleh Koperasi, subsidiari Koperasi, syarikat sekutu Koperasi, rakan kerjasama Koperasi atau mana-mana pihak ketiga yang Koperasi fikirkan sesuai dari semasa ke semasa; prosedur perkhidmatan/perhubungan pelanggan; penilaian kredit dan semakan latar belakang Pelanggan dengan pihak-pihak sepertimana yang dianggap sesuai; memenuhi keperluan undang-undang atau kawal selia berkaitan perkhidmatan atau produk; penyelidikan, penanda aras dan analisis perangkaan; dan membolehkan Koperasi menghantar maklumat kepada Pelanggan melalui notis, panggilan telefon, SMS, e-mel, media sosial atau apa-apa cara yang munasabah dari semasa ke semasa dan Koperasi akan terus mengawal data peribadi Pelanggan dengan sewajarnya selaras dengan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010.

13. SYARAT-SYARAT AM

(a) Pada setiap masa, Perjanjian ini adalah satu perjanjian di antara Koperasi dan Pelanggan tertakluk kepada syarat-syarat yang ternyata di sini dan dipersetujui dan diakui bahawa Jadual-Jadual kepada Perjanjian ini dan apa-apa tambahan atau pindaan kepadanya hendaklah dibaca bersama dan menjadi sebahagian daripada Perjanjian ini.

(b) Pelanggan bersetuju membenarkan Koperasi mengakses / mengemuka / menzahirkan segala data pelanggan dari / kepada mana-mana sistem rujukan maklumat kredit untuk tujuan pembiayaan ini.

(c) Pelanggan bersetuju bahawa Koperasi dibenar menyerahkan hak atau memasuki surat ikatan penyerahan hak dengan mana-mana Institusi Kewangan tanpa memperoleh kebenaran daripada Pelanggan dan penyerahan hak ini tidak akan menjejaskan kesahihan Perjanjian ini. Dalam hal ini, sekiranya Koperasi tidak lagi mempunyai kedudukan / nilai Usaha Berterusan (Going Concern), Pelanggan beraku janji untuk memberi kuasa kepada Jabatan atau Majikan untuk membuat pembayaran ansuran melalui potongan gaji yang akan dibayar terus kepada

institusi kewangan yang mana berkaitan sehinggalah baki Bayaran Ansuran dijelaskan sepenuhnya.

- (d) Pelanggan bersetuju bahawa sekiranya Pelanggan masih mempunyai hutang yang tertunggak atas apa apa sebab sekalipun, Koperasi berhak menyenaraikan butiran keberhutangan berkenaan ke dalam mana-mana sistem rujukan hutang elektronik awam. Kos menyenarai dan / atau menyah-senarai di dalam sistem ini adalah tanggungan Pelanggan.
- (e) Pelanggan dengan ini mengesahkan bahawa segala keterangan yang dinyatakan di Borang Permohonan Pembiayaan Anggota dan Jadual-Jadualnya adalah benar dan Koperasi berhak untuk membatalkan Pembiayaan ini sekiranya didapati keterangan atau dokumen sokongan yang diberikan oleh Pelanggan adalah tidak benar/palsu.
- (f) Segala terma-terma dan syarat-syarat yang dinyatakan di sini merupakan bukti konklusif terhadap hubungan kontrak di antara Pelanggan dan Koperasi dan oleh yang demikian, mana-mana perjanjian atau representasi yang dibuat secara lisan adalah dianggap tidak sah melainkan jika dipinda mengikut kaedah yang ditetapkan di bawah Perjanjian ini dan kesemua terma dan syaratnya Perjanjian ini hendaklah ditaksirkan dan diputuskan oleh Undang-undang Malaysia.
- (g) Sebarang kegagalan atau kelewatan melaksanakan mana-mana syarat-syarat dan hak-hak di bawah Perjanjian ini tidak akan merupakan satu pengabaian syarat-syarat dan hak-hak tersebut oleh pihak Koperasi.
- (h) Dengan ini Pelanggan mengesahkan bahawa terma-terma dan syarat-syarat Perjanjian ini sudah dibaca dan difahamkan segala isi kandungannya

PADA MENYAKSIKAN HAL DI ATAS, pihak-pihak kepada Perjanjian ini menurunkan tandatangan pada tarikh di atas.

Tandatangan bagi pihak Koperasi,

NAMA	:	)	
JAWATAN	:	)	
NO. K/P	:	)	
TARIKH	:	)	

Tandatangan Pelanggan

NAMA	:	)	
NO. K/P	:	)	
TARIKH	:	)	

JADUAL PERTAMA

Jumlah Pembiayaan Dan Bayaran Ansuran
(Jadual Pertama Ini Adalah Sebahagian Dari Perjanjian Pembiayaan)

Harga Belian (RM)	Harga Jualan Tangguh (RM)							
	Ansuran Bulanan							
	Tempoh (Bulan)							
	12	24	36	48	60	72	84	96
2,000	2,120.00 176.66	2,240.00 93.33	2,360.00 65.55					
3,000	3,180.00 265.00	3,360.00 140.00	3,540.00 98.33					
4,000	4,240.00 353.33	4,480.00 186.66	4,720.00 131.11					
5,000	5,300.00 441.66	5,600.00 233.33	5,900.00 163.88					
6,000	6,360.00 530.00	6,720.00 280.00	7,080.00 196.66	7,440.00 155.00	7,800.00 130.00			
7,000	7,420.00 618.33	7,840.00 326.66	8,260.00 229.44	8,680.00 180.83	9,100.00 151.66			
8,000	8,480.00 706.66	8,960.00 373.33	9,440.00 262.22	9,920.00 206.66	10,400.00 173.33			
9,000	9,540.00 795.00	10,080.00 420.00	10,620.00 295.00	11,160.00 232.50	11,700.00 195.00			
10,000	10,600.00 883.33	11,200.00 466.67	11,800.00 327.77	12,400.00 258.33	13,000.00 216.66			
11,000	11,660.00 971.67	12,320.00 513.33	12,980.00 360.56	13,640.00 284.17	14,300.00 238.33	14,960.00 207.78	15,620.00 185.95	16,280.00 169.58
12,000	12,720.00 1,060.00	13,440.00 560.00	14,160.00 393.33	14,880.00 310.00	15,600.00 260.00	16,320.00 226.67	17,040.00 202.86	17,760.00 185.00
13,000	13,780.00 1,148.33	14,560.00 606.67	15,340.00 426.11	16,120.00 335.83	16,900.00 281.67	17,680.00 245.56	18,460.00 219.76	19,240.00 200.42
14,000	14,840.00 1,236.67	15,680.00 653.33	16,520.00 458.89	17,360.00 361.67	18,200.00 303.33	19,040.00 264.44	19,880.00 236.67	20,720.00 215.83

JADUAL PERTAMA

Jumlah Pembiayaan Dan Bayaran Ansuran
(Jadual Pertama Ini Adalah Sebahagian Dari Perjanjian Pembiayaan)

Harga Belian (RM)	Harga Jualan Tangguh (RM)							
	Ansuran Bulanan							
	Tempoh (Bulan)							
	12	24	36	48	60	72	84	96
15,000	15,900.00 1,325.00	16,800.00 700.00	17,700.00 491.67	18,600.00 387.50	19,500.00 325.00	20,400.00 283.33	21,300.00 253.57	22,200.00 231.25
16,000	16,960.00 1,413.33	17,920.00 746.67	18,880.00 524.44	19,840.00 413.33	20,800.00 346.67	21,760.00 302.22	22,720.00 270.48	23,680.00 246.67
17,000	18,020.00 1,501.67	19,040.00 793.33	20,060.00 557.22	21,080.00 439.17	22,100.00 368.33	23,120.00 321.11	24,140.00 287.38	25,160.00 262.08
18,000	19,080.00 1,590.00	20,160.00 840.00	21,240.00 590.00	22,320.00 465.00	23,400.00 390.00	24,480.00 340.00	25,560.00 304.29	26,640.00 277.50
19,000	20,140.00 1,678.33	21,280.00 886.67	22,420.00 622.78	23,560.00 490.83	24,700.00 411.67	25,840.00 358.89	26,980.00 321.19	28,120.00 292.92
20,000	21,200.00 1,766.67	22,400.00 933.33	23,600.00 655.56	24,800.00 516.67	26,000.00 433.33	27,200.00 377.78	28,400.00 338.10	29,600.00 308.33